



Rawatan Menggunakan Air Kencing Unta Menurut Perspektif Islam dan Sains (*Health Treatment of Camel Urine based on Islamic and Science Perspective*)

Nurul Aiman Mat Abdullah, Mohd. Izhar Ariff Mohd. Kashim

Pusat Fiqh Kontemporari dan Pematuhan Syariah
Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600, UKM Bangi Campus, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.
Email: nurulaiman33@gmail.com, izhar.ukm@gmail.com

Abstrak - Kemunculan pelbagai jenis bentuk rawatan sama ada perubatan tradisional atau moden menampilkan kepelbagaian dalam merawat sesuatu penyakit. Pelbagai jenis rawatan ini juga menggunakan bermacam-macam jenis sumber sama ada halal atau haram. Salah satu rawatan yang terdapat di dunia ini adalah rawatan perubatan yang berasaskan sumber daripada haiwan iaitu urin atau air kencing unta. Perkara yang diketahui umum, air kencing adalah bersifat najis serta tidak boleh diambil manfaat daripadanya. Namun demikian, terdapat sebuah hadis yang membicarakan tentang penggunaan air kencing unta ini dalam kaedah rawatan. Hal ini menampakkan kekeliruan mengenai status hukum air kencing unta ini serta timbul persoalan tentang keistimewanya. Sehubungan dengan itu, artikel ini bertujuan untuk menganalisis penggunaan air kencing unta dari sudut sains dan hukumnya dalam Islam. Analisis kandungan dibuat terhadap pandangan fiqh dan kajian-kajian sains yang berkaitan. Hasil kajian mendapati, terdapat beberapa penyakit yang mampu dirawat dengan menggunakan kaedah rawatan ini manakala dari segi sudut hukum Islamnya, air kencing dihukumi najis. Namun masih terdapat perbahasan dalam kalangan ulama' dalam menentukan kenajisan air kencing haiwan yang halal dimakan dagingnya. Diharapkan hasil kajian ini dapat memberi manfaat kepada pihak yang berkepentingan sebagai garis panduan kepada Muslim dalam mendapatkan mana-mana rawatan yang bersumberkan air kencing unta.

Kata Kunci: Rawatan, najis, air kencing unta, saintifik, hukum syarak

Abstract – The emergence of various forms of treatments whether the traditional or modern medicine shows the diversity in treating diseases. These diverse types of treatments use various kind of sources including from halal or haram sources. One of the treatments that exist in the world is the medical treatment based on the animal source which is come from camel urine. As already known that urine is najis and cannot be beneficial from it. However, there is a hadith that mention about the use of camel urine and its milk in the treatment. This will lead to misconception about the status of camel urine's as well as issues raised about its benefits. Therefore, this article will analyze the use of camel urine from the scientific and Islamic perspective. An analysis was made according to fiqh views and related science studies. The result of analysis found that there are some illness can be treated using this treatment, whereas in Islamic

law, urine is categorised as najis. However, there is still a debate among the ulama' in determining the hukm of urine from the halal animals. Hopefully, the result of this study will give benefits to the involved parties as a guideline to Muslims in obtaining camel urine treatment.

Keywords: *treatment, najis, camel urine, scientific, Islamic law*

I. Pendahuluan

Islam merupakan agama yang menyeluruh merangkumi pelbagai bidang dalam kehidupan manusia. Sebagai satu agama yang syumul, bidang perubatan tidak dilihat berasingan dengan syariat Islam. Fenomena dunia perubatan pada hari ini menyaksikan timbulnya kepelbagaian dalam merawat dan mengubati penyakit. Kajian demi kajian yang dijalankan membawa kepada penggunaan kaedah rawatan yang bermacam – macam jenis dan rupa, antaranya adalah pengubatan yang menggunakan najis air kencing atau dikenali dengan terapi air kencing. Walaupun kedengaran agak menjijikkan, namun bagi sesetengah masyarakat yang mengamalkannya sebagai salah satu rawatan alternatif, mereka mempercayai air kencing unta berupaya untuk menyembuhkan penyakit. Terdapat juga penjual yang menjual air kencing unta kepada jemaah Haji atau umrah dengan harga yang lebih tinggi berbanding susunya. Wujud juga sesetengah pihak yang mengklasifikasikan perbuatan meminum air kencing unta adalah sebahagian dari sunnah kerana terdapat hadis sahih yang membicarakan penggunaan air kencing unta dalam rawatan tanpa mengetahui intipati keseluruhan hadis. Perubatan menggunakan air kencing unta dan susunya telah diamalkan selama bertahun-tahun di Timur Tengah (Firdaus Romli et al 2016). Hal ini berikutan sepertimana penggunaan najis lain yang memberi impak positif kepada kesihatan manusia, najis daripada air kencing unta ini turut kesan kepada yang baik dalam proses penyembuhan kepada beberapa jenis penyakit. Perkara-perkara sebegini pasti menimbulkan tanda tanya mengenai status air kencing unta menurut hukum syarak dan kesan manfaatnya kepada tubuh badan. Beberapa kajian sains menemukan terdapat kandungan di dalam air kencing unta ini sangat signifikan dalam proses merawat. Justeru, di dalam artikel ini, selain menerangkan status air kencing unta menurut pandangan Islam, penulis juga akan membincangkan perubatan menggunakan najis air kencing menurut kajian saintifik yang telah dilakukan oleh para saintis dalam kajian mereka.

II. Penggunaan Air Kencing Unta Menerusi Kajian Saintifik

Penggunaan air kencing unta sebagai satu bentuk rawatan bukanlah suatu yang asing dalam sesuatu kelompok masyarakat yang mengamalkannya. Faktor mereka memilih rawatan alternatif ini berbanding rawatan moden adalah kerana rawatan moden menelan belanja yang lebih besar. Di samping itu, mereka mempercayai rawatan ini boleh menyembuhkan beberapa penyakit setanding dengan rawatan yang lebih moden.

Bagi masyarakat di padang pasir di negara Asia dan Afrika, unta merupakan haiwan penting dalam kehidupan sehari-harian. Haiwan unta ini berfungsi dalam membekalkan sumber makanan, sebagai pengangkutan dan tidak kurang juga susu dan air kencingnya digunakan sebagai ubat untuk merawat pelbagai penyakit (Abdel Galil, 2016). Antara penyakit yang dipercayai mampu dirawat dengan menggunakan air kencing ini adalah demam, selsema bahkan kanser (Firdaus Romli 2016). Penggunaan air kencing unta yang bercampur dengan susunya dari sudut perubatan yang dikatakan mampu merawat penyakit adalah disebabkan ianya mengandungi bahan kimia yang mampu bertindak sebagai antibakterial, antifungal, agent kepada antikanser (Al- Yousef et.al 2012). Air kencing unta menunjukkan tindakan *cytotoxicity* yang berguna sebagai anti kanser yang berkemampuan memperlahankan dan menghentikan pembiakan sel kanser (Clark et al 1988, Syed Rizwan Ahamad 2017). Namun, kesan anti kanser ini tidak bertindak ke atas semua jenis kanser, ianya hanya terkesan terhadap sel-sel yang tumorigenik seperti sel fibroblast dan sel epithelial (Al- Yousef et al. 2012).

Selain itu, campuran air kencing unta dan susunya juga berpotensi dalam melawan virus (Awhaaj 1998, Alawadi dan al- Jedabi 2000). Air kencing unta mempunyai tindakan antibiotik dalam merencatkan pertumbuhan jenis-jenis bakteria seperti *Candida albicans* (yeast), *Aspergillus niger* dan *Fusarium oxysporum* walaupun setelah dididihkan sehingga 100°C. Air kencing unta yang telah dididihkan akan diminum oleh sesetengah bangsa Arab bagi merawat masalah dalaman. Air kencing yang dicampur dengan susu unta adalah terbaik kerana susu unta mengandungi *lysozyme* dan *lactoferrin* yang menjadikan air kencing sebagai antimicrobial dan antiviral yang memberi nilai perubatan dalam merawat hepatitis dan alergi terhadap makanan (Redwan et al 2014)

Menurut Ibn Sina di dalam kitabnya, Kanun al- Tibb; penyakit hati seperti jaundice, dropsy dan bengkak di perut dapat dipulihkan melalui pengambilan yang bersifat sementara campuran daripada susu unta dan air kencing unta Badui yang dipanggil Najeeb (al- Nusaymi 1988) . Kajian yang dilakukan ke atas tikus

makmal mendapati bahawa air kencing unta berpotensi dalam merawat buah pinggang, limpa dan tisu perut yang dijangkiti *Echerichia coli*. Hasil kajian mendapati tiada kesan sampingan yang berlaku selepas rawatan tersebut dijalankan (Khalifa et al 2005, Redwan et al 2014).

Di dalam bidang dermatologi pula, air kencing unta berpotensi untuk merawat ulser diabetic, ulser kronik, luka terbakar, luka kecil dan penyakit kulit seperti *ringworm*, *tipea* dan *abscesses*, *sores* (Alwadi 2004, Muna E. Ahmed et al 2008). Kaedah rawatan adalah dengan membiarkan unta membuang air kencing di atas permukaan rumput sebelum rumput tersebut dikeringkan dan seterusnya ditampal di atas permukaan kulit pada kawasan yang terlibat. Manakala untuk rawatan kecantikan, kegunaan air kencing unta ini dijadikan oleh orang penduduk tempatan di negara Arab sebagai syampu dengan membasuh rambut mereka bersama air kencing unta. Kesannya dapat merawat rambut gugur serta menjadikan rambut lebih panjang dan tampak ringan (Agarwal et al 2009).

Bagi mengatakan air kencing unta mampu menyembuhkan penyakit-penyakit tertentu, kajian demi kajian perlu dilakukan dengan lebih banyak lagi disebabkan bukti sahih air kencing sebagai bahan berubat masih dalam proses yang tidak berkesudahan.

III. Perselisihan Pandangan Ulama Mengenai Status Air Kencing Unta

Terdapat perselisihan pandangan daripada fuqaha' dalam permasalahan najis air kencing unta ini. Perbezaan pandangan tersebut adalah disebabkan mereka mempunyai pendekatan dalil dan hujah yang berbeza bagi menyokong pandangan mereka. Perbezaan tersebut terjadi dalam menafsirkan dalil-dalil yang ada tentang kencing haiwan yang boleh dimakan dan haiwan yang tidak boleh dimakan (Salleh Kamal 2007). Perselisihan tersebut dapat dibahagikan kepada 3 pandangan.

3. 1. Pandangan pertama

Mazhab Malik, Mazhab Hanbali, Ibn Taymiyyah, Ibn Qayyim dan Muhammad bin al- Hassan berpandangan air kencing haiwan yang halal dan boleh dimakan dagingnya adalah suci manakala haiwan yang tidak halal atau tidak boleh dimakan dagingnya adalah najis (al- Kasani 1982, al- Dusuki t.th , al- Bahuti 1996, , Ibn Qayyim t.th).

Menurut Ibn- 'Arabi (t.th), mereka beralasan air kencing haiwan yang halal adalah suci bersandarkan kepada hadis Nabi SAW yang menganjurkan air kencing unta untuk rawatan sakit perut:

عن أنس بن مالك قال (قدم اناس من عكل او عرينة فاجتووا المدينة
فأمرهم النبي صلى الله عليه وسلم بلقح وأن يشربوا من أبوالها والبأ
فانطلقوا فلما صحوا قتلوا راعي النبي صلى الله عليه وسلم واستاقوا
النعمة

(al- Bukhari, Sahih Bukhari, Kitab al- Tibb, Bab al- Dawa' bi abwa al-ibil)

Maksudnya : Dirwayatkan dari Anas, ia berkata ' suatu ketika datang sekelompok manusia dari suku Ukaykl atau Urainah, tetapi mereka tidak sesuai dengan cuaca di Madinah (yang menyebabkan mereka selalu mengalami sakit) Maka nabi SAW memerintahkan mereka mencari unta betina yang sedang menyusui dan menyuruh mereka supaya minum air kencing dan susu unta itu, maka mereka pun berangkat dan melakukan apa yang disuruh oleh nabi Muhammad SAW setelah mereka sihat, mereka membunuh pengembala milik nabi Muhammad SAW lalu merampas unta- unta".

Hadis di atas menunjukkan bahawa suci air kencing haiwan yang dagingnya boleh dimakan serta diambil manfaatnya. Di dalam hadis, Nabi menyarankan kaum Urainah atau Ukaykl untuk mengubati penyakit yang dihadapi mereka dengan minum susu dan air kencing unta. Unta adalah haiwan yang halal dimakan seperti mana juga kambing lembu, kerbau atau seumpamanya, maka suci jugalah air kencing haiwan tersebut. Hal ini bermaksud kesucian air kencing unta menjadi qiyas atau analogi kepada kesucian air kencing haiwan-haiwan halal yang lain. Tambahan pula, jika air kencing unta ini najis, Nabi tidak akan menyarankan mereka untuk minum air kencing unta tersebut.

Dan juga hadis Nabi SAW yang berbunyi:

صَلُّوا فِي مَرَابِضِ الْغَنَمِ وَلَا تُصَلُّوا فِي أَعْطَانِ الْإِبِلِ

(Al-Tirmizi, Sunan Al-Tirmizi, Kitab Al-Salat, Bab Ma Ja'a fi Marabidh al-Ghanam wa A'than al-Ibil, 348)

Maksudnya: Solatlah kamu di kandang kambing dan jangan kamu solat di tempat unta berbaring.

Namun, ulama' Mazhab Malik mengecualikan haiwan yang memakan atau meminum benda- benda najis (haiwan al- jallah), maka air kencing haiwan tersebut juga najis. Manakala haiwan yang makruh dagingnya untuk dimakan, maka air kencing serta tahinya juga makruh. Hal ini bermaksud, hukum air kencing haiwan tersebut bergantung kepada hukum dan status dagingnya (Mahluf 2003, al- Zarkali 1980)

3. 2. Pandangan kedua

Mazhab Syafi, mazhab Hanafi dan al- Ibadhiah mengutarakan pendapat bahawa air kencing semua haiwan samada dagingnya boleh dimakan atau tidak boleh dimakan adalah najis (al- Kasani 1982) Mereka menghukumi semua air kencing haiwan adalah najis secara mutlak.

Hujah pandangan kedua ini adalah berdasarkan kepada dalil-dalil berikut:

a. Firman Allah S.WT:

وَيُحِلُّ لَهُمُ الطَّيِّبَاتِ وَيُحَرِّمُ عَلَيْهِمُ الْجَبَائِثَ (١٥٧)

Maksudnya:

Allah menghalalkan bagi mereka segala yang baik dan mengharamkan bagi mereka segala yang buruk . (Al-Quran, al - A'raaf 7: 157)

Air kencing dan segala kekotoran seperti tahi adalah benda najis dan tergolong dalam perkara yang buruk. Perkara yang buruk perlu dijauhi kerana Allah mengharamkannya dan menghalalkan segala sesuatu yang halal . Sesuatu yang kotor dan najis air kencing termasuk dalam kategori keumuman ayat di atas.

b. Hadis daripada Rasulullah S.AW:

Air kencing adalah sesuatu yang kotor dan seseorang Muslim perlu waspada terhadap kenajisan air kencing, ini berdasarkan kepada hadis Abu Hurairah yang telah disahihkan oleh Ibnu Khuzaimah. Sabda Rasulullah S.AW:

استنزھوا من البول فإن عامة عذاب القبر منه

(al-Syaukani, Nailu Author, kitab al thoharah, bab wujub al-istinja' bi al hijr au al ma')

Maksudnya: Jauhilah atau berhati-hatilah kalian daripada air kencing, kerana sesungguhnya kebanyakan azab kubur itu bersumber darinya.

Hadis di atas menunjukkan akibat tidak membersihkan air kencing dengan betul dan tidak berhati-hati dengannya akan diberi azab kubur. Hal ini disebabkan tergesa-gesa untuk menunaikan ibadah tanpa menyucikan terlebih dahulu najis yang ada dengan sebaik- baiknya . Fuqaha' berpandangan hadis di atas adalah bukti bahawa kesemua air kencing tidak kira manusia, haiwan yang boleh dimakan dagingnya atau tidak boleh dimakan dagingnya adalah najis. Hal ini adalah disebabkan oleh huruf (ال) yang berada di dalam lafaz (البول), adalah sifah umum iaitu meliputi kesemua air kencing dan termasuk dalam keumuman air kencing yang perlu dijauhi (Ibn Najm , al- Zailai', al- Kasani 1982) .

3. 3. Pandangan ketiga

Al- Syaukani (1987) mengatakan "bahawa air kencing semua haiwan sama ada haiwan tersebut dagingnya halal atau haram adalah suci". Dalil yang mengatakan semua air kencing haiwan ini suci ialah berpandukan kepada kaedah fikih:

الأصل في الأشياء الطهارة

Maksudnya: Asal sesuatu adalah suci.

Berpandukan kaedah ini, asal sesuatu adalah bersih dan suci kecuali ada dalil atau ijma' yang mengatakan sebaliknya. Pada pandangan mereka di dalam kes air kencing ini, tiada dalil khusus atau dalil yang spesifik

yang mengatakan air kencing adalah sesuatu yang menjajiskan. Maka hukum air kencing haiwan ini adalah seperti keadaan asalnya iaitu suci tidak kira daripada haiwan yang boleh dimakan atau tidak sehinggalah terdapatnya dalil yang mengatakan ianya najis.

Berdasarkan pemerhatian dan penelitian terhadap hukum status air kencing unta sama ada najis atau suci, penulis menghormati semua pandangan yang dilontarkan oleh para ulama'. Bagaimanapun, melihat kepada kefahaman dan pengamalan umat Islam di Malaysia terhadap mazhab Syafie, penulis lebih cenderung dengan pandangan Imam Syafie yang mengatakan air kencing unta adalah najis dan tidak boleh dimanfaatkan. Namun ianya menjadi harus bagi tujuan perubatan dalam hal yang darurat.

IV. Aplikasi Prinsip Darurat Dalam Rawatan yang Menggunakan Air Kencing Unta

Islam secara jelas telah mewajibkan umatnya supaya berubat dengan sumber yang halal lagi baik. ketetapan tersebut secara tidak langsung melarang umat Islam daripada berubat dengan segala jenis sumber yang kotor dan bernajis. Jika diteliti hukum air kencing unta sebagaimana penerangan di atas, air kencing unta adalah bersifat najis. Maka tidak boleh digunakan untuk minum atau diambil manfaat daripadanya.

Namun begitu, kelonggaran untuk membenarkan umat Islam merawat dengan menggunakan bahan yang bernajis dalam situasi darurat turut disyariatkan oleh Islam. Sehubungan dengan itu., menurut Abd. Al-Sattar (1991) dan al-Zuhayli (1997) terdapat beberapa syarat darurat bagi penggunaan air kencing unta untuk diharuskan iaitu:

1) Tiada ubat- ubat dari sumber yang halal atau tidak mempunyai sebarang pilihan serta alternatif yang berkesan bagi menyembuhkan penyakit (Al- Nawawi t.th). Ruang kelonggaran yang diberikan dalam pengharaman ini adalah bagi melenyapkan kesakitan yang dihadapi tubuh badan (Basri Ibrahim 2015). Hal ini bagi memastikan umat Islam sentiasa berada dalam keadaan baik dan sempurna. Perkara ini di disebut dalam firman Allah SWT:

فَمَنْ اضْطُرَّ غَيْرَ بَاغٍ وَلَا عَادٍ فَلَا إِثْمَ عَلَيْهِ إِنَّ اللَّهَ غَفُورٌ رَحِيمٌ

Maksudnya: 'Sesiapa yang terpaksa dengan tanpa sengaja dan tidak melampaui batas, maka tidaklah berdosa baginya, kerana sesungguhnya Allah Maha Pengampun dan Maha Mengasihani (al- Quran, al- Baqarah 2: 173)

Ayat di atas jelas membuktikan penggunaan ubatan yang bersifat najis adalah diharuskan selagimana tiada ubat dari sumber halal yang ditemui. Sekiranya didapati masih wujud alternatif yang lain yang bersumberkan bahan yang halal, maka rawatan menggunakan air kencing unta yang telah diharamkan kerana darurat kembali menjadi haram untuk digunakan. Hal ini berikutan tiada lagi darurat pada masa itu.

2) Keutamaan wajib diberikan kepada risiko yang lebih dominan berbanding risiko yang bersifat minoriti. Perkara ini ada disebut di dalam kaedah fiqh yang berbunyi:

الضرر الأشد يزال بالضرر الأخف

Maksudnya : Kemudaratan yang lebih besar dielakkan dengan melakukan kemudaratan yang lain yang lebih ringan (al- Suyuti 2001).

Kaedah di atas bermaksud, kemudaratan ke atas tubuh badan yang boleh menyumbang kepada risiko kematian disebabkan tidak mengambil rawatan air kencing unta ini perlulah dielakkan dengan mengambil air kencing unta sebagai rawatan. Sekiranya kadar risiko kematian berada pada tahap minima, maka keadaan tersebut masih belum sampai ke tahap darurat yang membolehkan sesuatu yang haram menjadi halal.

3) Pentakrifan darurat atau sebaliknya serta jaminan kesembuhan kepada pesakit setelah diberitahu oleh doktor Muslim yang arif dalam bidang perubatan (Yusuf al-Qaradawi, 1980). Pengambilan air kencing unta tidak boleh diambil dengan sesuka hati tanpa pengawasan daripada doktor dan mesti mengikut indikasi pemakaiannya.

4) Keperluan pengambilan bahan rawatan dari sumber yang bernajis adalah mengikut kadar had keperluan untuk menghilangkan darurat sahaja. Perkara ini bersesuaian dengan kaedah fiqh iaitu:

ما أبيض للضرورات يقدر بقدرها

Maksudnya: Semua perkara yang diharuskan (pada asalnya haram) semasa darurat hendaklah diambil mengikut kadar yang sepatutnya (minimum tanpa berlebihan) (al-Suyuti 2001).

Kaedah fiqh di atas jelas memperlihatkan bahawa walaupun syarak membenarkan umat Islam untuk mengambil rawatan yang bersumberkan najis atau haram semasa darurat, namun pengambilannya mestilah tidak berlebih-lebihan dan diambil dalam kadar yang munasabah. Sekiranya diambil lebih daripada kadar yang sepatutnya, maka hukumnya adalah haram.

5) Segala tindakan yang hendak dilakukan semasa darurat mestilah tidak bercanggah dengan prinsip pemeliharaan maqasid syariah yang lima iaitu agama, nyawa, akal, nasab dan harta. Jika kegunaan air kencing unta adalah bertujuan untuk kecantikan semata-mata, maka ia bukanlah dalam kategori pemeliharaan maqasid syariah.

V. Kesimpulan

Rawatan yang diambil mesti bersumberkan daripada bahan dan sumber yang halal. Air kencing unta bersifat najis. Walau terdapat beberapa kajian sains yang mengatakan tentang potensi keberkesanan air kencing yang bercampur susu dalam merawat beberapa penyakit, perlu ditekankan bahawa hanya individu yang dalam keadaan darurat dan menepati syarat-syarat darurat sahaja dibenarkan untuk mengambil rawatan yang bersumberkan air kencing unta. supaya hukum tersebut tidak dieksploitasi oleh sesetengah pihak yang ingin mengambil kesempatan dan tidak bertanggungjawab yang mendorong kearah kemaksiatan.

Rujukan

1. Al- Quran
2. Abdel Galil & Abdulqader A.Alhaider. 2016. The Unique Medicinal Properties of Camel Products: A review of scientific evidence. Journal of Taibah University Medical Sciences. 11: 2.
3. Abd. al- Sattar Ibn Abd. al- Karim Abu Ghiddah.1991. Buhuth fi al- Fiqh al- Tibb wa al- Sihhah al- Nafsiyyah min Manzur Islami. Al- Qahirah: Dar al- Aqsa.
4. Agarwal, R. Dogra, N. Mohta, R. Tiwari, S. Singharl, S. Sultania. 2009. Beneficial effect of camel milk in diabetic neuropathy Acta Biomed., 80: 2 pg131-134
5. al- Bahuti. 1982. Mansur ibn Yunus ibn Idris. Kasysyaf al- Qina' 'an matn al- Iqna'. Dar al- Fikr. Beirut
6. Al- Bahuti. Mansur bin Yunus. 1996. Syarah Muntaha al- Iradat LilBahuti. Beirut: 'Alim al- Kutub.
7. Al-Nawawi . Abi Zakaria Yahya b Syarfi Al-Dimasyqi 1992. Raudhah al-Talibin, Beirut: Dar al Kutub al-Ilmiyyah
8. Al-Nawawi, Yahya bin Sharaf, t.t. Al-Majmu' Sharh al- Muhadhdhab lil Shiyrazi, Beirut: Dar al-Fikr.
9. Al- Shaukani. Muhammad bin Aliyy. 1978. Al- Darāri al- Madhiah Syarah al- Dar al-Bahiah. Beirut: Al- Dar al- Ma'rifāt.
10. Al- Syaokani. Muhammad bin Aliyy. 1987. Fath al- Qadir. Juz 5. t.tp. t.pt
11. Al- Syarbini. 1977. al- Iqna' Fi Halli Alfaz Abi Shujja. Matba'ah Dar Ihya' al- Turath al- Arabiyyah.
12. Al- Suyuti.al- Rahman Ibn Abi Bakr. 2001. Al- Ashbah wa al- Nazair fi Mazhab al- Shafiii. Jilid Pertama. Beirut. Dar al- Kutub al- Ilmiyyah.
13. Al-Awadi, A., Al-Jedabi, A., 2004. Antimicrobial agents in camel's Urine. (9B) Microbiol. Viruses 8(11): 265-281.
14. Al-Dusuki. Muhammad 'Arfah.t.th. Hashiyah al- Dusuki 'Ala al- Sharh al- Kabir. Dar Ihya' al-kutub al- 'Arabiyyah
15. Al-Kasani , Ala' al- Dīn. 1982. Kitab Bada i' al- Sana i'. Beirut. Dar al- Kutub al- Ilmiyyah.
16. Al-Tirmizi, Abdul Rahman bin Abdul Rahim al- Mubarakfuri. t.th. *Tuhfatul al- Ahwazi syarah jamī' al- Tirmizi*. Beirut: Darul Kitab al- Ilmiyyah.
17. Al-Yousef, N., Gaafar, A., Al-Otaibi, B., Al-Jammaz, I., Al-Hussein, K., Aboussekhra, A., 2012. Camel urine components display anticancer properties in vitro. J. Ethnopharmacol. 143 (3): 819-825.
18. Al- Zuhayli , Wahbah. 1997. Nazariyyah al- Darurah al- Shari'iyah. Dimashq: Daral- Fikr.
19. Awhaaj, M., 1998. Camel milk and urine hadiths. FEPS Lett 93: 205-214.
20. Basri Ibrahim. 2015. *Fatwa-Fatwa Berkaitan Fiqh Semasa Di Malaysia*. Al-Hidayah House Of Publishers Snd.Bhd. Selangor Darul Ehsan.
21. Clark, P.I., Slevin, M.L., Webb, J.A., Osborne, R.J., Jones, S., Wringley, P.F., 1988. Oral urea in the treatment of secondary tumors in the liver. Br. J. Cancer 57: 317-318.
22. Firdaus Romli, Nadiah Abu, Faten A. Khorshid, Nik Mohd Afizan Nik Abd Rahman. 2016. The Growth Inhibitory Potential and Antimetastatic Effect of Camel Urine on Breast Cancer Cells In Vitro and In Vivo. Integrative Cancer Therapies. 1-16.
23. Ibn Majah, Abu Abdillāh Muhammad bin Yazid. t.th. Sunan Ibn Majah. Istanbul: Cagri Yayinlari
24. Ibn Qayyim al- Jawziyyah, Shams al- Din t.th. al Tibb – al Nabawiyy. Bayrut.: Dar al- Maktabah al- Hayah
25. Ibn Qayyim al- Jawziyyah, Shams al- Din t.th. al Tibb – al Nabawiyy. Bayrut.: Dar al- Maktabah al- Hayah.
26. Muhamad Khalid Mansur. 1999. Al-Ahkam al-Tibbiyyah al-Mutaaliqah binnisa' fi Fiqh al-Islami. Kuwait. Dar al-Nafais
27. Redwan et al., 2014, E.M. Redwan, E.M. El-Fakharany, V.N. Uversky, M.H. Linjawi. Screening the anti-infectivity potentials of native N- and C-lobes derived from the camel lactoferrin against hepatitis C virus. BMC Complement Altern. Med., 14: 219
28. Sahīh Muslim, Yahya bin Sharif Abu Zakaria Nawawi. 1996. *Kitab al-Thaharah*. Kaherah: Dar al- Salam.

29. Syed Rizwan Ahamad, Abdul Qader alhaider, M. Raish, Faiyaz Shakeel. 2017. Metabolomic and elemental analysis of camel and bovine urin by GC-MS and ICP-MS. Saudi Journal of Biological Sciences. 24:1.
30. Yusuf al-Qaradawi, *Al-Halal wa al-Haram fi al-Islam*, Damshiq: Al-Maktab al-Islami, 1980.

Filename: Vol 6 No 3 - 6 Nurul Aiman
Directory: D:\Fahmi\FIKMAS\Vol 6 No 3
Template: C:\Users\Harry Ramza\AppData\Roaming\Microsoft\Templates\Normal.dotm
Title: Template of Manuscripts for Fikiran Masyarakat
Subject: Template of Manuscripts for Fikiran Masyarakat
Author: First Author, Second Author, Third Author
Keywords:
Comments:
Creation Date: 7/1/2015 10:20:00 PM
Change Number: 13
Last Saved On: 12/26/2018 9:54:00 AM
Last Saved By: Harry Ramza
Total Editing Time: 1,815,261 Minutes
Last Printed On: 12/26/2018 10:26:00 AM
As of Last Complete Printing
Number of Pages: 7
Number of Words: 3,647 (approx.)
Number of Characters: 20,793 (approx.)